

20 AUG 1998

Najib-Asia

PEMIMPIN ASIA PERLU KAJI SEMULA IDEA PERTUBUHAN SERANTAU

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyeru pemimpin-pemimpin Asia di semua peringkat masyarakat supaya mengimbas dan mengkaji semula idea pertubuhan serantau.

Beliau berkata, sudah tiba masa bagi penubuhan sebuah platform serantau yang akan benar-benar mewakili kepentingan Asia Timur.

Beliau berkata, beberapa tahun lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan penubuhan pertubuhan seperti itu tetapi atas sebab-sebab tertentu idea itu tidak dapat dilaksanakan.

Najib berkata demikian semasa ceramah makan tengah hari yang bertema "Dialog Di Kalangan Generasi Muda Mengenai Pembentukan Masyarakat Asia" di sini.

Beliau berkata, krisis ekonomi di Asia sekarang ini menunjukkan perlunya cadangan Dr Mahathir itu dijadikan kenyataan.

Najib juga berkata, beliau yakin yang kebanyakan ekonomi Asia akan bangkit daripada kemelut sekarang ini dengan lebih utuh dan mampan lagi.

Untuk mengelakkan masalah sama daripada berulang, Asia mesti berani mengubah haluan ekonominya untuk lebih banyak membayangkan agenda kebangsaan berbanding agenda antarabangsa, katanya.

Beliau juga berkata, negara-negara Asia perlu lebih sensitif kepada satu sama lain dan mencari jalan untuk memperkukuhkan hubungan politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Lebih kurang 60 peserta daripada universiti-universiti tempatan, kedutaan asing dan parti-parti politik menghadiri seminar antarabangsa kali ketiga itu yang dianjurkan bersama oleh Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia dan Kedutaan Jepun.

-- BERNAMA

NZ PR